

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/  
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)  
**GRED JAWATAN/GAJI** : U29, U32, U36,  
U41/U42, U44, U48, U52, U54  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JULAI 2016

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG  
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29**

- (c) diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI  
KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41**

- (d) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: RM2,429.00).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA</b>	7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) memenuhi tempoh percubaan;</li> <li>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan</li> <li>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI</b>	10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32</b>	11. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</li> <li>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> <li>(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan</li> <li>(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36</b>	12. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</li> <li>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;</li> <li>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</li> </ul>
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED U42</b>	13. (a) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 atau Gred U32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 yang kosong apabila telah:

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);
  - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U44**

14. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U48**

15. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U52**

16. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U54**

17. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PENGAJAR GRED U41**

18. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2005).